

# Anggap hadiah hari lahir suami

Sinar Harian  
7/1/2018

M/S 10

NOR AZURA MD AMIN

**PONTIAN** – Isteri kepada nelayan yang ditahan pihak berkuasa Indonesia sejak 11 Julai lalu menyifatkan khabar gembira pembebasan suaminya sebagai hadiah hari lahir pasangannya itu.

Besah Abu Bakar, 57, berharap suaminya, Mahabob Hasimat yang ditahan atas dakwaan menceroboh perairan Indonesia selamat kembali ke pangkuan keluarga di Kampung Pulai Sebatang, Pontian dengan segera.

"Saya amat berharap suami dapat dibebaskan sebelum 31 Januari ini kerana kami sekeluarga merancang nak buat kenduri kesyukuran, selain meraikan hari lahir pakcik yang ke-55 pada tarikh tu."

"Kalau dia bebas, ia akan jadi hadiah hari lahir paling istimewa," katanya kepada *Sinar Harian*, semalam.

Sementara itu, anak sulung mereka, Nasarudin, 33, berkata, setelah hampir enam bulan ayahnya ditahan di penjara di Tanjung Pinang, Indonesia, kesedihan ke luarganya



Nasarudin bersama ibunya, Besah menunjukkan gambar Mahabob yang kini ditahan pihak berkuasa Indonesia di Tanjung Pinang.

terubat selepas menerima panggilan memaklumkan mengenai pembebasan tersebut.

"Saya amat terkejut apabila seorang pegawai daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani hubungi saya jam 10 pagi semalam (Jumaat) untuk beritahu pembebasan ayah.

"Pegawai tu turut maklumkan, selain ayah, ada lima lagi nelayan yang akan dibebaskan menerusi rundingan Kerajaan Malaysia dan Indonesia," katanya.

Nasarudin berkata, dia pernah ke Tanjung Pinang pada September lalu untuk bertemu ayahnya.

"Ayah beritahu jangan risau, tak ada apa-apa perlu dibimbangkan, malah layanan yang diterima juga baik."

"Tetapi sebagai anak, dah pasti saya risau dengan keadaan ayah yang dah tua. Tambahan pula mahkamah di sana telah jatuhkan hukuman penjara dan denda Rp50 juta atau kira-kira RM18,000," katanya.

Menceritakan se-

**66 Memang dah rutin ayah turun laut sejak muda lagi. Dia dah biasa kerja di laut. Mungkin selepas ini, kami anak-anak minta ayah lebih berhati-hati supaya tak lepas sempadan perairan sehingga ditangkap pihak berkuasa Indonesia."** - Nasarudin

mula detik penahanan itu, Nasarudin berkata, ayahnya menghubunginya untuk memaklumkan dia telah ditahan pihak berkuasa Indonesia di Beting 4, berhampiran perairan Indonesia-Malaysia.

"Ketika tu saya fikir tak ada jalan keluar selepas ayah ditahan. Ayah pula tekong bot. Biasanya tekong bot yang akan ditahan dan dibawa ke mahkamah."

"Tekaan saya tepat, apabila ayah sahaja yang ditahan, sedangkan dua lagi awak-awak yang ada dalam bot pukat tunda tu dibebaskan selepas dua minggu," katanya.

Nasarudin yang bekerja sebagai pengawal keselamatan sukar melupakan tarikh terakhir sebelum ayahnya ke laut pada 9 Julai lalu melalui pangkalan nelayan di Benut, Pontian.

"Memang dah rutin ayah

turun laut sejak muda lagi. Dia dah biasa kerja di laut. Mungkin selepas ini, kami anak-anak minta ayah lebih berhati-hati supaya tak lepas sempadan perairan sehingga ditangkap pihak berkuasa Indonesia," katanya.

*Sinar Harian* kelmarin melaporkan enam nelayan warganegara Malaysia yang ditahan kerana menceroboh perairan negara Indonesia akan dibebaskan dalam tempoh terdekat.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata, persetujuan untuk membebaskan nelayan kedua-dua negara itu dicapai Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Presiden Indonesia, Joko Widodo ketika Rundingan Tahunan ke-12 Malaysia Indonesia pada November lalu.

**'Saya tunggu suami pulang'**

**DUNGUN** – "Memang saya rindu. Syukur apabila dimaklumkan suami akan dibebaskan, tetapi masih tidak tahu bila tarikhnya," kata Farizon Engah, 41, isteri kepada salah seorang nelayan yang ditahan kerana menduduki perairan Indonesia.

Suaminya, Kamaruzaman Awi, 47, ditahan bersama empat lagi nelayan di perairan Indonesia pada 16 April 2017.

Farizun berkata, bukan sahaja rindu, tetapi dia risau dengan keadaan suaminya sepanjang hampir sembilan bulan ditahan.

Menurutnya, lebih memilukan dia hanya sempat bersama suami sekejap sahaja kerana baharu melangsungkan perkahwinan tiga minggu sebelum ditahan.

"Sekarang saya tengah tunggu dia, saya syukur kerana dia maklumkan akan dibebaskan, tetapi tarikh sebenarnya masih tidak tahu."

"Hanya telefon pengubat kerinduan terhadap suami sepanjang kami terpisah."

"Selepas berkahwin pada 24 Mac tahun lalu, suami hanya sempat habiskan masa bersama saya selama tiga hari sebelum turun semula ke laut untuk menangkap ikan," katanya ketika dihubungi.

Farizon berkata, dia tidak tahu mengenai penangkapan suaminya sehingga dimaklumkan melalui telefon.

Menurutnya, sebelum ke laut, suaminya memaklumkan mahu ke laut selama lapan hari dan berjanji akan pulang pada 18 April 2017.

"Tiba-tiba pada 16 April dia hubungi saya dan beritahu telah ditangkap penguat kuasa Indonesia," katanya.

Katanya yang berasal dari kampung Baru Rantau Abang berkata, sejak suaminya ditahan, dia tinggal di rumah kakaknya di Bukit Katil, Melaka.

"Saya tidak bekerja dan hanya menampung kehidupan dengan eluan sara hidup nelayan milik suami sebanyak RM250," katanya.

Wanita tersebut turut berterima kasih terhadap kesungguhan Kerajaan Malaysia yang berusaha membawa suaminya pulang ke tanah air.

Menurutnya, tiga lagi yang ditahan bersama suaminya termasuk adik iparnya, Roslin Awi, 41, sepupu suami, Muhammad Zamri A Rahman, 47, dan rakannya, Ariffin Kasim, 59, sudah dibebaskan sekitar Oktober atau November tahun lalu.

"Sekarang saya amat berharap suami dibebaskan segera dan bersyukur dengan berita itu."

"Terima kasih sekali lagi kepada semua pihak khususnya Kerajaan Malaysia yang membantu," katanya.



Gambar haru persandingan yang menjadi pengubat rindu buat Farizon sepanjang suaminya ditahan.



MAHABOB